

## **Gejala makan rasuah sudah lama**

---

**KULAI** - Kementerian Pengangkutan maklum mengenai gejala rasuah dalam kalangan anggota penguat kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sudah lama, namun tiada bukti untuk mensabitkan kesalahan mereka.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, kerajaan Pakatan Harapan (PH) memang tegas dalam membersihkan pentadbiran bukan sahaja melibatkan menteri Kabinet sahaja tetapi semua peringkat termasuk penguat kuasa.

Menurutnya, kementerian mengalu-alukan tindakan tegas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap mana-mana penjawat awam terutamanya pegawai JPJ yang terlibat rasuah.

"Memang kita tahu amalan (rasuah) ini sudah lama kedengaran, ada pegawai penguat kuasa yang melindungi pengusaha lori dan sebagainya.

"Memang cerita-cerita seperti ini sudah lama kedengaran tetapi untuk mendapatkan bukti, menguatkuaskan (undang-undang), memang ini memerlukan siasatan dan perancangan rapi dari SPMR. Kami yakin n keupayaan SPRM untuk buat siasatan dan tangkapan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Stesen FedEx Johor, di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas penahanan reman 30 individu oleh SPRM kelmarin termasuk 24 penguat kuasa JPJ Pulau Pinang kerana dipercayai terlibat dengan gejala rasuah.

Anthony Loke memberitahu, pihaknya akan memberi kerjasama penuh dengan siasatan dijalankan SPRM berhubung penahanan anggota JPJ itu.

Beliau yakin dengan kreadibiliti dan kepimpinan Ketua Pengarah JPJ, Datuk Seri Shaharuddin Khalid dalam mentadbir jabatan berkenaan dan membasmi amalan itu dalam kalangan anggota penguat kuasa memandangkan Shaharuddin pernah bertugas di SPRM.

Ketika ditanya sama ada kementerian melihat kepada kemungkinan penstrukturkan semula JPJ, beliau berkata, kementerian sentiasa melihat untuk memperbaiki operasi jabatan di bawah kementerian dengan penuh integriti dan efisien.- Bernama

---